

- (d) Arahan-arahan yang diberi oleh P.P. berbangkit dari pertikaian dengan tuan-tuan punya berjiran dengan syarat ianya tidak disebabkan oleh apa-apa perbuatan kecuaian atau kemungkiran di pihak Kontraktor atau mana-mana Subkontraktor yang Dinamakan atau selainnya.
- (e) Arahan-arahan P.P. [klausa 5, Syarat-syarat Kontrak P.W.D. FORM 203 dan 203 A (Rev.2007)]
- (f) Kontraktor telah tidak menerima dalam masa yang wajar daripada P.P., apa-apa arahan, pelan, aras yang diperlukan atau arahan berkenaan dengan penamaan Subkontraktor dan/atau penamaan Pembekal yang diperuntukkan di dalam Kontrak, setelah Kontraktor memohon secara bertulis untuk mendapatkannya dalam tempoh yang munasabah.
- (g) Kelambatan memberi milik Tapak Bina sebagaimana diperuntukkan di bawah Klausa 38.4, Syarat-syarat Kontrak P.W.D. FORM 203 dan 203A (Rev.2007) dan bukannya disebabkan kelewatan/kegagalan Kontraktor menyediakan insurans dan Bon Pelaksanaan.
- (h) Kelambatan di pihak artisan, tukang-tukang atau orang-orang lain yang ditugaskan oleh Kerajaan bagi melaksanakan kerja yang tidak menjadi sebahagian dari Kontrak.
- (i) Kontraktor tidak berupaya kerana sebab-sebab yang tidak dapat dikawal dan diramalkan olehnya dengan munasabahnya pada tarikh penutupan tender untuk mendapatkan apa-apa barang atau bahan yang diperlukan untuk menjalankan Kerja dengan sewajarnya.
- (j) Kelambatan di pihak Subkontraktor Dinamakan dan/atau Pembekal Dinamakan melaksanakan kerja mereka dan kelambatan yang menjelaskan kerja mereka itu adalah disebabkan